KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	15/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JMG			

Metro
15.11.2021_16

KECOH KAYA

Bukan emas tapi hanya batu biasa

Rantau Panjang: Keghairahan segelintir penduduk Kampung Bukit Lata di sini yang menemui objek seakan-akan emas terjawab, apabila ia disahkan batu biasa oleh pengusaha kedai emas tempatan.

Penemuan batu yang disangka emas itu tular di Facebook Selasa lalu selepas dimuat naik beberapa individu namun kawasan berkenaan ditutup keesokannya selepas dikerumuni orang ramai termasuk dari luar daerah.

Penduduk, Syed Ismail Syed Mamat, 55, mengakui dia antara individu yang turut sama mencari 'emas' terbabit memandangkan lokasi pencarian hanya 100 meter dari kediamannya.

"Kawasan ini sebenarnya tapak pembinaan projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan kerajaan. Malah, batu itu ditemukan seorang pekerja di situ.

"Selepas khabar penemuan batu keemasan ini tersebar kepada penduduk kampung, ramai yang menyerbu ke lokasi sehingga ke lewat malam menyebabkan pihak pengurusan projek terpaksa menutup kawasan berkenaan.

"Bagaimanapun, seorang kenalan saya yang juga penduduk di sini, ada membawa ketulan objek itu ke kedai emas berdekatan yang mengesahkan ia bukanlah emas seperti yang disangkakan," katanya, semalam.

Syed Ismail yang juga pesara guru berkata, sehingga hari ini masih ada kenalan yang menelefonnya untuk mendapatkan kepastian dan dia terpaksa menceritakan perkara sebenar supaya tiada yang salah faham.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Azlan Omar, 35, berkata, ramai antara mereka yang benar-benar percaya objek itu adalah emas, tetapi akur ia hanyalah batu biasa.